

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]
TARIKH : 25.5.2016
SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setiap tahun Kementerian menganjurkan pertandingan rekacipta dan inovasi sains di peringkat sekolah, berapakah produk yang telah dihasilkan daripada pertandingan tersebut yang telah dikomersialkan oleh pihak Kerajaan atau swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara berterusan sejak tahun 1990an lagi membangunkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan murid dengan memperkenalkan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) secara merentas kurikulum. Melalui kegiatan kokurikulum pula, KPM setiap tahun menganjurkan pertandingan reka cipta dan inovasi sains di peringkat sekolah.

Bagi tahun 2016, sebanyak 19 pertandingan reka cipta dan inovasi sains di sekolah telah dikenal pasti. Selain dianjurkan oleh KPM, pertandingan tersebut turut di anjur oleh agensi-agensi Kerajaan lain, badan berkanun dan pihak swasta. Sungguhpun belum terdapat produk hasil daripada pertandingan tersebut yang telah dikomersialkan, namun KPM berkeyakinan hasrat tersebut dapat dicapai pada masa akan hadapan. KPM berpandangan perkara yang lebih utama ialah mencapai objektif penyertaan murid dalam pertandingan reka cipta dan inovasi sains, yang antara lainnya adalah untuk mencungkil bakat murid di dalam mereka cipta dan membangunkan inovasi mereka dalam bidang sains.